

Headline	Saya buat kerja ni nak kumpul wang kahwin		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	22 Feb 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	2	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,690
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,070



'Saya buat kerja ni nak kumpul wang kahwin'

JOHOR BAHRU: "Tolong jangan tangkap saya en-cik... saya buat kerja ini sebab mahu kumpul wang untuk kahwin." Itu alasan diberikan seorang wanita pelayan pelanggan (GRO) ketika ditahan polis selepas dikatakan menawarkan khidmat seks kepada pelanggan di sebuah pusat karaoke di Jalan Tun Razak di sini, semalam.

Dalam serbuan kira-kira jam 12 tengah malam itu, wanita berusia 20-an berkenaan bagaimanapun tidak mengaku terbabit dengan aktiviti persundalan.

Seorang lagi GRO dan seorang lelaki yang juga penjaga premis berkenaan turut ditahan bagi membantu siasatan.

Pegawai Turus Cawangan Kongsi Gelap, Maksiat dan Perjudian, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, Deputy Superintendan Mohammad Abd Hamid berkata, seorang daripada GRO berkenaan ditahan ketika bersama pelanggan dalam bilik hotel bajet manakala rakannya ditahan

di pusat karaoke berkenaan.

"Bagi mengelak dikesan pihak berkuasa, kegiatan persundalan itu dilakukan di hotel bajet berhampiran pusat karaoke berkenaan.

"Pelanggan yang berminat mendapatkan khidmat seks perlu membayar RM250 sebelum dibawa ke hotel itu," katanya.


Menurutnya, sebelum ini, sebuah premis hiburan eksklusif turut menawarkan

khidmat seks dengan pelanggan dilayan dalam tandas tetapi kali ini sindiket berkenaan mengubah taktik dengan membawa pelanggan ke hotel berhampiran.

"Berdasarkan siasatan awal, pelanggan akan berunding dengan GRO berkenaan sebelum wang perkhidmatan dibayar di kaunter," katanya.

Katanya, pihaknya turut merampas sejumlah wang dipercayai hasil kegiatan berkenaan.

Semua yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 372(b), Kanun Keseksaan.



SERBU...anggota polis memeriksa wanita ditahan dalam serbuan di karaoke, semalam.